

17 MAY 1997

Mahathir-pasaran

JANGAN GUNA CUTI SAYA SEBAGAI ALASAN TIDAK MASUK PASARAN, KATA DR20MAHATHIR

SEPANG, 17 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa pelabur supaya tidak menggunakan cuti beliau selama dua bulan sebagai alasan untuk mereka tidak memasuki pasaran saham.

Perdana Menteri berkata cutinya itu tidak harus menjadikan pasaran gelisah kerana sepanjang peninggalannya timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim diberi kuasa penuh untuk mentadbir negara.

"Seperti yang anda tahu, mereka yang bermain saham ini sentiasa mencari bermacam-macam petanda dan ianya tiada kaitan," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan upacara memecah tanah bandar pintar Cyberjaya di sini.

Dr Mahathir telah diminta mengulas mengenai kejatuhan harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang dikaitkan dengan kemerosotan nilai Baht dan hasrat beliau untuk bercuti selama dua bulan.

Katanya terdapat pemimpin lain yang bercuti sabatikal selama enam bulan dan ia tidak menimbulkan sebarang reaksi tidak perlu.

Perdana Menteri berkata beliau mungkin terpaksa memendekkan cutinya jika "berlaku sesuatu yang luar biasa".

"Jadi saya harap kamu (pihak media) tidak menimbulkan sebarang perkara yang boleh menjadi masalah kepada saya," katanya.

Dr Mahathir berkata pelabur seharusnya menilai asas syarikat-syarikat yang disenaraikan di BSKL kerana semuanya mencatat keuntungan.

Bagaimanapun, menurut beliau, disebabkan sesuatu yang berlaku di tempat lain, mereka melupakan pelaburan masing-masing.

Dr Mahathir berkata ekonomi Malaysia kukuh dan asasnya mantap.

-- BERNAMA

TM MAI